

## Takwa dan Akhlak Mulia

Daripada Abu Zar RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَأَتَّبِعِ السَّبِيَّةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

**Maksudnya:** “Bertakwalah kepada Allah di mana saja kamu berada. Dan ikutilah kejahatan dengan mengerjakan kebaikan, nescaya menghapuskannya (kejahatan tadi). Dan berperangai kepada manusia dengan perangai yang baik.”

Riwayat Ahmad dalam *al-Musnad* (5/153), al-Tirmizi dalam *al-Sunan* (4/355), dan beliau berkata: *Hadis ini hadis hasan sahih*. Al-Hakim dalam *al-Mustadrak* 1/54 dan al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* (6/245). Hadis ini sahih dengan jalan-jalan dan syawahidnya.

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini secara keseluruhannya mengandung tiga hukum yang penting:
  - Hak Allah.
  - Hak mukallaf.
  - Hak hamba.

2. Hak Allah SWT ialah takwa kepada-Nya. Hak mukallaf ialah menghapuskan kejahatan yang telah dikerjakannya. Hak hamba ialah elok pergaulan di antara sesama manusia dalam masyarakat. Ketiga-tiga hak ini masuk ke dalam tuntutan dan pengertian takwa. Yang demikian bererti pula takwa itu tidak terhad kepada Allah SWT, tetapi meliputi juga sesama manusia. Orang yang bertakwa adalah orang yang dapat menunaikan pengertian tersebut secara keseluruhannya.
3. Keindahan dalam masyarakat manusia ialah kerana adanya budi yang mulia. Kemuliaan budilah yang membezakan manusia dari kehidupan yang liar. Berbudi bukan suatu yang dapat dibuat-buat. Ia merupakan hasil terakhir dari pembentukan peribadi dan jiwa sejak kecil lagi. Oleh itu, untuk melahirkan pekerja-pekerja yang berbudi mulia bukanlah mudah. Ia memastikan usaha giat dilakukan bagi membentuk peribadi tersebut.
4. Antara caranya ialah dengan memberi ceramah-ceramah agama dan pendidikan moral kepada pekerja tersebut. Berbudi mulia yang meliputi aspek-aspek pertuturan, tingkah laku, pakaian, tindak tanduk dan cara melayan tetamu amat penting dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Orang ramai mengharapkan perkhidmatan yang mesra dari pegawai-pegawai tersebut seterusnya dianggap oleh orang ramai sebagai sikap kerajaan terhadap rakyat.
5. Oleh itu, sikap positif, lemah lembut dan berbudi bahasa dalam melayan orang ramai ketika memberikan perkhidmatan sangat penting dan menjadi suatu kewajipan. Dalam perkhidmatan kesihatan pula, sikap seorang doktor mahupun jururawat yang berbudi mulia dan lemah lembut menjadi ubat yang mujarab kepada pesakit yang sedang menderitanya.
6. Di sinilah perlunya seseorang memiliki kekuatan ilmu dan ketrampilan, kekuatan hikmah dan pedoman, tahu visi dan misi, faham akan masalah dan strategi dan sentiasa berlumba-lumba sesuatu untuk melakukan kebaikan dan kebajikan manusia.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Tanamkan dalam keyakinan anda bahawa siapa sahaja yang menjalinkan hubungan dengan anda terlepas dari celaan, sama ada saudara, anak, isteri, kerabat ataupun kawan, kerananya persiapkan diri anda untuk menerima semua.
- ❖ **Pujangga berkata:** Kembangkan bakat yang diberikan kepada diri anda, ilmu yang anda sukai, rezeki yang dianugerahkan kepada anda, dan pekerjaan yang sesuai untuk anda.

### Kisah Teladan

Pemilik buku *Tobaqat al-Hanabilah* dalam biografi Abdul Ghani al-Maqdisi, seorang pakar hadis yang besar yang makruf dengan bukunya yang bertajuk *al-Kamal fi Asma al-Rijal*, buku tentang para periwayat hadis yang belum pernah ditulis seperti itu, mengatakan bahawa al-Maqdisi pernah dipenjarakan bersama dengan orang-orang kafir. Pada suatu malam Abdul Ghani al-Maqdisi bangun dan mengambil wuduk lalu melaksanakan sembahyang dua rakaat. Apabila wuduknya sudah kering maka dia berwuduk lagi, lalu dia sembahyang dua rakaat, membaca al-Quran dan menangis sehingga pagi.

Sementara itu, orang-orang kafir tersebut menyaksikan pemandangan yang sangat menakjubkan ini. Ketika di waktu pagi, para tahanan itu pergi ke arah pengawal penjara lalu berkata: Lepaskanlah kami kerana kami sudah beriman kepada Allah SWT. Pengawal penjara itu bertanya: Mengapa? Mereka mengatakan suatu malam berlalu dengan sebuah peristiwa, kami tidak pernah menyaksikan peristiwa seperti itu selama ini, bahkan kami beranggapan hari kiamat bakal tiba, tatkala kami melihat apa yang terjadi, tiba-tiba kami melihat lelaki ini sedang sembahyang dan menangis.

Seungguhnya kita menyeru manusia dengan amal perbuatan kita sebelum kita menyeru mereka dengan perkataan-perkataan kita. Kita terlebih dahulu menyeru mereka dengan ketakwaan, kezuhudan dan perkaitan kita dengan Allah. Sehingga usaha keras kita dan para ulama kita dapat menghasilkan buah yang sangat baik.